AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

# Sakit berkaitan mata naik 30 peratus

## Orang ramai diminta kurangkan aktiviti luar, peka jaga kesihatan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah pesakit bagi kes berkaitan konjunktivitis (mata) meningkat 20 hingga 30 peratus di 42 hospital kerajaan seluruh negara kesan jerebu teruk sekarang.

Ketua Perkhidmatan Oftalmologi Kementerian Kesihatan, Dr Nor Fariza Ngah, berkata peningkatan itu adalah keadaan biasa setiap kali jerebu melanda.

"Kita dapati peningkatan 20 hingga 30 peratus pesakit mendapatkan rawatan mata akibat jerebu. Contohnya di Hospital Shah Alam, beza bulan lalu dan bulan ini bagi kes yang datang dengan masalah konjunktivitis naik berganda daripada 40 kepada 80 kes sehari.

"Kami sentiasa bersedia kerana tahu masalah ini berlaku setiap tahun," katanya selepas pelancaran Majlis Hari Keselamatan Pesakit Sedunia Yang Pertama dan Seminar Keselamatan Pesakit oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, di sini semalam.



> ***Contohnya di Hospital Shah Alam, beza bulan lalu dan bulan ini bagi kes yang datang dengan masalah konjunktivitis naik berganda daripada 40 kepada 80 kes sehari.***
>
> ***Dr Nor Fariza Ngah,*** *Ketua Perkhidmatan Oftalmologi Kementerian Kesihatan*

Dr Nor Fariza berkata, pesakit biasanya datang selepas mengalami simptom seperti mata gatal dan kering yang berlarutan sehingga mata menjadi kemerahan.

"Selalunya pesakit akan beli ubatan sendiri, namun apabila masalah berlarutan sehingga mata mengalami gatal dan kemerahan, mereka akan merujuk klinik mata kerajaan," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai mengurangkan aktiviti luar yang boleh memberi kesan kesihatan terutama mereka yang mempunyai asma.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, fasiliti kesihatan di seluruh negara sentiasa bersedia menerima peningkatan mendadak pesakit akibat jerebu.

"Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pula akan memberi kenyataan berkaitan keadaan itu termasuk menerusi laman Facebooknya," katanya.

### Antara kesan jerebu kepada kesihatan

**Konjunktivitis**

- **Kerap** terjadi disebabkan bakteria, virus atau alahan.
- **Mata** menjadi merah, tahi mata bewarna putih atau kekuningan.
- **Kelopak** mata melekat (terutama waktu bangun pagi), mata sentiasa berair.
- **Biasanya** bermula dari satu mata dan berjangkit ke mata sebelah.

**Kaedah rawatan konjunktivitis**

- **Guna antibiotik** dalam bentuk ubat titis, salap mata lebih kerap.
- **Kerap** cuci mata dengan perlahan-lahan.
- **Elak guna** kanta lekap sehingga tanda penyakit hilang.

UBAT TITIK

### Kesan-kesan lain akibat jerebu kepada kesihatan

- **Jejas** sistem pernafasan merangkumi hidung, sinus, tekak, rongga dan sistem pernafasan bawah yang merangkumi trakea dan paru-paru.
- **Batuk,** batuk berkahak, gatal hidung, gatal kulit sama ada berserta ruam atau tidak.
- **Sesak** nafas.

Grafik BH

**AKHBAR** : HARIAN METRO
**MUKA SURAT** : 27
**RUANGAN** : TENGAH

# Wad Bersalin HKL dipindah ke WCH



WAD Bersalin HKL menamatkan perkhidmatan selepas beroperasi 56 tahun.



PEKERJA membersihkan kawasan wad bersalin.



**Kuala Lumpur:** Perkhidmatan bersalin di Wad Bersalin Hospital Kuala Lumpur (HKL) tidak ditutup sebaliknya dipindahkan ke Wad Bersalin Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur (WCH) bermula semalam.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, blok bersalin HKL itu akan dibaiki untuk kesinambungan operasinya kelak.

"Penggunaan istilah ditutup tidak tepat kerana ia membayangkan tidak berkhidmat lagi. Kita baru melakukan kerja pemindahan semalam (16 September 2019) sebagai persediaannya.

"Sementara itu, kita gunakan dulu perkhidmatan yang ada," jelasnya ringkas menerusi Whatsapp kepada Harian Metro ketika diminta mengulas isu berkenaan di sini, semalam.

Kelmarin, di media sosial tular apabila ada pengguna Facebook menyatakan wad berkenaan yang banyak memberi kenangan manis kepada warga kota itu ditutup dan mendapat pelbagai reaksi orang ramai yang mengimbau nostalgia mereka.

Sementara itu, HKL menerusi satu kenyataan memaklumkan perpindahan wad bersalin HKL ke WCH dan pengoperasian WCH

"Dimaklumkan, semua perkhidmatan berkaitan Jabatan Obstetrik dan Ginekologi dan Peaditrik di Hospital Kanak-Kanak Kuala Lumpur mula beroperasi hari ini (17 September 2019)," menurut kenyataan itu.

Dalam satu status yang dimuat naik pengguna Facebook menyatakan, semalam hari terakhir Hospital Bersalin HKL beroperasi dan ia juga menamatkan perkhidmatan kepada seluruh warga Kuala Lumpur dan Malaysia selepas beroperasi 56 tahun.

Status itu turut menyatakan terima kasih kepada kakitangan hospital berkenan yang banyak berjasa kepada orang ramai dan di akhir kenyataan mengucapkan selamat datang ke WCH.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : KEADAAN JEREBU DI SELURUH NEGARA

## Kerajaan bersiap siaga terima kedatangan orang ramai

# Ramai mula sakit mata

**PUTRAJAYA** – Terdapat peningkatan antara 20 peratus dan 30 peratus pesakit luar di hospital-hospital kerajaan ekoran situasi jerebu yang melanda negara, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.



DZULKEFLY

Menurutnya, terdapat peningkatan 30 peratus pesakit di perkhidmatan oftalmologi yang membabitkan kes mata kering dan alergi konjunktivitis.

"Kami ingin tegaskan fasiliti kesihatan khususnya klinik Kementerian Kesihatan bersiap siaga untuk menangani peningkatan mendadak (kes) akibat jerebu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia yang Pertama dan Seminar Keselamatan Pesakit di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Perkhidmatan Oftalmologi Kementerian Kesihatan, Dr. Nor Fariza Ngah berkata, kebanyakan pesakit yang mendapatkan rawatan di 42 hospital kerajaan mengalami alergi konjungtivitis yang tidak berjangkit.



BANGUNAN KLCC dan Menara Kuala Lumpur tidak dapat dilihat dengan jelas apabila ibu negara mencatatkan bacaan tidak sihat semalam.

"Tetapi ia menyebabkan ketidakselesaan seperti mata merah, berair dan menyebabkan kes mata kering meningkat.

"Kita nasihati pesakit pakai artificial tears yang sesuai dan kurangkan pendedahan kepada aktiviti luaran," katanya.

Beliau menegaskan hospital Kementerian Kesihatan mempunyai bekalan ubat yang mencukupi terutamanya untuk menghadapi situasi itu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Tubuh jawatankuasa siasatan pelajar maut akibat TB

**PULAU PINANG 17 Sept.** - Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa siasatan bebas bagi menyiasat berhubung kematian pelajar, Carmen Yee, 19, akibat penyakit batuk kering (TB) di sini pada 27 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, siasatan itu termasuk bagi melihat sama ada wujud aspek kecuaian dalam rawatan terhadap Carmen sehingga membawa kepada kematiannya.

Katanya, jawatankuasa siasatan bebas itu akan ditubuhkan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua minggu akan datang dan dijangka selesai dalam tempoh antara sebulan hingga dua selepas itu.

"Siasatan bebas ini akan melibatkan pakar dari negeri lain, jadi memerlukan semua terlibat mempunyai masa sesuai sebelum boleh dimulakan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Carmen yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Heng Ee, Georgetown di sini meninggal dunia pada 27 Ogos lalu akibat jangkitan TB atau Tuberculosis selepas dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Pulau Pinang (HPP) pada 23 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Boon Chye berkata, saringan ke atas 376 kontek yang terlibat dengan Carmen termasuk ahli keluarga dan warga sekolah mendapati tidak ada seorang pun daripada mereka yang dikesan mempunyai kuman TB yang aktif.

Menurutnya, saringan itu juga tidak menunjukkan kuman TB yang aktif telah merebak kepada kontek lain sekali gus menyifatkan situasi penyakit berkenaan terkawal serta tidak membimbangkan.

"Bagaimanapun kita mengesan terdapat 33 kontek yang positif dengan kuman TB namun tidak berbahaya dan tidak berjangkit.

"Kesemua mereka ini akan diberikan rawatan lanjut yang bersesuaian untuk tempoh sehingga dua tahun," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEWS/NATION

DIAGNOSED WITH TUBERCULOSIS

# Ministry to probe death of student in Penang Hospital

**GEORGE TOWN:** The Health Ministry will conduct an independent investigation into the death of a 19-year-old student, who was diagnosed with tuberculosis.

Carmen Yee, who was supposed to sit for her Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) next month, died at the Penang Hospital on Aug 27, three days after she was admitted.

Deputy Health Minister Datuk Dr Lee Boon Chye said an independent committee headed by the ministry would be set up within two weeks and results were expected in two months.

"The committee will investigate the possibility of negligence in the treatment given to Carmen, among other things, which had been raised by the next of kin."

Dr Lee said the ministry had conducted checks on 376 people connected to Carmen, including her parents, her 16-year-old brother, school and orchestra band mates.

He said none of those tested were found to be suffering from tuberculosis.

However, Dr Lee said the Mantoux test (screening for tuberculosis) found that 33 people, including students, teachers and band mates, had been exposed to the disease in the past, not only by Carmen.

"We will conduct further tests on them to confirm if they are carrying any germs. If they are, then what they have is latent tuberculosis, which might manifest as tuberculosis when their immunity drops due to illnesses or immunology diseases. They were put on a treatment plan, which is more preventative and generally shorter than normal tuberculosis treatment."

He said the 33 who were non-contagious would be monitored for the next two years to ensure they were free of tuberculosis.

"This means there is no risk of the disease spreading, so there is no need for panic. We have done tests and contained the situation."

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# 20%-30% increase in eye infection cases at govt hospitals, clinics

**PUTRAJAYA:** There has been an increase of 20% to 30% of patients seeking eye infection treatment in government hospital and clinics nationwide.

Health Minister Datuk Seri Dzulkefly Ahmad said the number of allergy and respiratory complaints had increased since the country was hit by haze.

"We are monitoring in particular three things – conjunctivitis, upper respiratory tract infection as well as asthmatic attacks," Dzulkefly said at a press conference after launching the first World Patient Safety Day yesterday.

He added the ministry's health facilities were prepared for the increase in outpatients during the haze.

"The director-general of health will also continuously update the public through announcements on social media sites, as well as press statements."

The Health Ministry's head of ophthalmology services Dr Nor Fariza Ngah said the most common ailment brought about by the haze was allergic conjunctivitis.

"There is also an increase in the incidence of dry eyes. We advise our patients to apply artificial tears and also to reduce outdoor exposure. Those who are asthmatic should seek treatment at hospitals early."

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

# More cases of allergic conjunctivitis and dry eyes recorded

**PUTRAJAYA:** The haze has caused cases of allergic conjunctivitis and dry eyes to increase.

Head of the Health Ministry's Ophthalmology Services, Dr Nor Fariza Ngah, said government eye clinics in the country saw a 30% rise in outpatient visits during the haze season.

"The haze has caused a spike in the number of outpatients seeking ophthalmology services, mostly for allergic conjunctivitis, in our hospitals.

"It is not contagious but it causes discomfort as well as red and watery eyes. There is also an increase in the incidence of dry eyes.

"Some hospitals see a doubling in the number of outpatient visits.

"For example, the Shah Alam Hospital saw up to 80 cases of conjunctivitis (per day), up from the usual 40 cases," said Dr Nor Fariza at a press conference at the sidelines of the World Patient Safety Day Malaysia event here yesterday.

The event was launched by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Dr Nor Fariza said those with asthma are more prone to haze-related illnesses.

"Usually, we advise our patients to apply artificial tears and also to reduce outdoor exposure," she said.

Allergic conjunctivitis is an inflammation of the conjunctiva due to allergy, and it happens when a person's eye comes into contact with an allergen, causing it to become sore, inflamed and sometimes painful.

Dzulkefly said the ministry's health facilities are prepared for the inevitable increase in outpatient visits during the haze season.

"The Health director-general will continuously update the public through announcements on our social media sites as well as press statements," he said.

Malaysian Medical Association president Dr N. Ganabaskaran said there has been an increase in skin diseases, asthma and allergic rhinitis in private clinics, but he did not have the exact data.

"There are also cases of skin rashes, exacerbation of eczema, cough and wheezing in asthma patients, and worsening of influenza-like symptoms in allergic rhinitis, and sore eyes," he said, adding that it is important to address the situation with sustainable solutions to open burning.

On the message for the World Patient Safety Day Malaysia, Dzulkefly said it is important for the ministry, Health Department, hospitals and clinics to invest in efficient risk reduction strategies and improve the safety culture.

"Patients are harmed when healthcare staff fail to clean hands, when medicines are given to the wrong patient, wrong dosage or when standard procedures are not followed during surgery.

"The time has come for all of us at every level of healthcare system to make patient safety our priority," he said in his keynote address earlier.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

# Mum: My daughter Carmen is gone

## Teo berates Penang Hospital over 'negligence' after devastating loss to TB

By LIEW JIA XIAN
jiaxian@thestar.com.my





**Anger and grief:** Dr Lee comforting Teoh as she grieves for Carmen (inset) at Penang Hospital in George Town.

GEORGE TOWN: "My heart is broken. Every time I close my eyes, I see my daughter," said a devastated mother who lost her daughter to tuberculosis (TB).

"Her bags and everything are still lying at home. I know she didn't want to leave us.

"Why did this tragedy happen? Because of negligence, I lost my daughter," lamented Vivian Teoh, 47, between heaving sobs.

She berated the Health Ministry and Penang Hospital, claiming her daughter was not treated in time.

"Say sorry? Your whole Emergency Department can say sorry and it will be useless. My daughter is gone," she cried at a press conference yesterday.

Teoh was with her husband Yee Kok Kee, 55, and sister-in-law Christine Yee, 62.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye tried to console her, but to no avail.

Teoh's only daughter Carmen Yee, 19, died of TB on Aug 26.

When she first sought treatment at the Penang Hospital, Carmen was not warded.

Teoh told *The Star* that Carmen had what seemed like a normal cough and cold.

On Aug 20, her school called Carmen's father after classmates saw her coughing blood.

Kok Kee then took her to a private clinic where the doctor took an X-ray of her chest and diagnosed her with TB.

"The doctor wrote a referral letter and told us to take Carmen to Penang Hospital immediately.

"The doctor at Penang Hospital also took X-rays and sputum samples for three days. They confirmed on Aug 23 that it was TB but said it was a mild case.

"They gave my daughter medicine and asked us to take her home and come back after two weeks," he said.

That night, Teoh said Carmen vomited "a lot of blood" and they brought her back to the Emergency Ward.

She claimed that the doctors still maintained that they could bring her home after giving Carmen more medication.

"The next day, my daughter vomited blood non-stop after dinner.

"We called for an ambulance. Twenty minutes later, someone from Penang Hospital called back and said they had no ambulance to spare.

"So we drove our unconscious daughter to hospital," she said, adding that Carmen died in the intensive care unit without regaining consciousness.

Teoh pleaded with Dr Lee, "We hope you will look out for low level people like us. Sue all of them! We have to place our hopes on you. There is nothing we can do."

Dr Lee assured them that the Health Ministry would conduct an independent investigation into Carmen's death.

"The investigation will look at all aspects of the case, including the treatment rendered to the patient and any possibility of negligence.

"The investigation is expected to begin within these two weeks and will take one or two months to complete.

"The independent investigation will be headed by the ministry and will involve specialists on public health and TB all over the country," he said.

Watch the video
thestartv.com